



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul ‘Penghuni Presint 16 Tak Tahu Manfaat Kemudahan’ yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 25 Mei 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Sukacita dimaklumkan bahawa memandangkan kemudahan Tempat Letak Kenderaan (TLK) yang mencukupi telah disediakan untuk penghuni apartment kuarters kerajaan di Presint 16, PPj tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan penguatkuasaan sepenuhnya ke atas pemilik kenderaan yang masih meletak kenderaan di tepi jalan tanpa kebenaran, baik pada sebelah siang maupun malam. Sehubungan itu, penghuni apartment yang berkenaan dinasihatkan untuk meletakkan kenderaan di TLK yang disediakan bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan undang-undang oleh PPj.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 01 Jun 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 6
Tarikh : 25 Mei 2010

Oleh Alisyah Sukaimi
www.berita.com.my

PUTRAJAYA: Tidak cukup rungut, tetapi apabila sudah ada tidak digunakan. Itulah yang dapat digambarkan terhadap sikap segeraif pemilik kenderaan yang tinggal di Kuantan yang tinggal di Presint 16, di sini apabila masih meletakkan kenderaan di kawasan larangan walaupun tempat tambahan sudah disediakan.

Sebelum ini penghuni merungut kerana tempat letak kenderaan disediakan di situ tidak mencukupi, tetapi masih ada yang meletakkan kereta di kawasan larangan walaupun kira kira 500 petak letak kereta tambahan disediakan pihak berkuasa.

Difahamkan, kawasan letak kenderaan yang siap diturap dan berlampaui siap dibina dua minggu lalu.

Tinjauan *Sentral* mendapati masih ada pemilik meletakkan kenderaan di kawasan larangan seperti bshu jalan walaupun menyedari ada papan tanda melarang berbuat demikian.

Malah, bilangan kende-

raan yang menggunakan tempat letak kenderaan yang baru itu juga boleh dibilang dengan jaril kerana tidak semua petak letak kereta digunakan, walhal ia adalah disediakan untuk kemudahan penghuni kuarters di situ yang juga pegawai kerajaan.

Sentral juga difahamikan, akibat tidak digunakan penghuni, ada orang luar yang mengambil kesempatan menggunakan tempat letak kereta percuma dan selesa itu.

Akhbar ini sebelum ini melaporkan rungutan penghuni apartmen berkenaan apabila terpaksa berburu tempat letak kereta kerana tidak mencukupi selain meletakkan kereta di bahu jalan utama yang menyebab-

kan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak.

Pesara kerajaan, Zainal Tamby, 73, berkata kawanan tempat letak kereta yang disediakan khas untuk penghuni kuarters kerana sebelum ini tempat letak kereta yang sedia ada tidak mencukupi.

"Sebelum tempat letak kereta baru siap dibina, kami memang menghadapi kesukaran tempat letak kereta kerana ada kenderaan yang diletakkan di situ milik pekerja yang bekerja di pusat bell belah berhampiran dan mereka bukan penghuni yang tinggal di sini."

"Apabila tamat waktu pejabat, penghuni yang tinggal di sini sukar mencari tempat untuk meletakkan kenderaan kerana tempat sedia-

ada digunakan pekerja dari pusat bell belah berkenaan dan waktu bekerja mereka juga tidak menentu," kata-

Beliau berkata, pembinaan tempat letak kereta di kawasan berkenaan ialah sebagai langkah mengelakkan kesesakan di samping menyediakan ruang lebih selesa kepada penduduk untuk meletakkan kenderaan mereka.

"Katau duu mereka terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan kerana tidak cukup tempat untuk meletakkan kenderaan mereka. Apabila tempat letak kenderaan baru siap dibina, mereka harus memanfaatkan tempat ini sebaiknya," katanya.

Sementara itu, kakitangan

kerajaan, Mohamad Wazir Baharlin, 23, berkata pembinaan tempat letak kereta baru itu mampu mengatasi masalah tempat letak kenderaan di kawasan itu sekiranya penduduk memanfaatkan kemudahan berkenaan.

"Sepatutnya, penduduk menggunakan kemudahan ini bagi mengelakkan ia tidak dibiarakan begitu saja walaupun baru siap dibina dua minggu lalu. Ia juga untuk mengelakkan berlaku kesukaran kepada pengguna lain."

"Mereka juga tidak seharusnya mementingkan diri dengan meletakkan kenderaan di tempat yang dilarang walaupun menyedari terdapat papan tanda melarang mereka berbuat demikian," katanya.

Penghuni Presint 16 tak tahu manfaat kemudahan

500 petak tempat letak kereta disediakan, tetapi masih amal sikap lama